

Lebih RM100 juta naik taraf Terminal Swettenham Pier

**Penang Port
mahu jadi hab
pelayaran,
rangsang
ekonomi
tempatan**

Oleh Nur Amira Mohd Hedzer
bhbiz@NSTP.com.my

Penang Port Sdn Bhd (PPSB) melabur lebih RM100 juta untuk menaik taraf Terminal Kapal Persiaran Swettenham Pier sebagai sebahagian daripada strategi untuk menjadi hab pelayaran terkemuka di Asia Tenggara.

Ketua Pegawai Eksekutif PPSB, Datuk Sasedharan Vasudevan, berkata pelabuhan itu berhasrat untuk merapatkan jurang dengan meningkatkan kemampuan 'home porting' (tem-

pat asal kapal).

"Ini membolehkan kapal persiaran memulakan dan menamatkan pelayaran di Pulau Pinang, sekali gus merangsang ekonomi tempatan apabila penumpang meluangkan masa di kawasan terabit sebelum dan selepas perjalanan mereka."

"Kapal persiaran juga boleh mendapatkan bekalan daripada perniagaan berhampiran, sekali gus turut merancakkan lagi aktiviti ekonomi setempat," katanya dalam satu pembentangan kepada media di Butterworth.

Sasedharan berkata, syarikat itu juga bekerjasama dengan

Majlis Pelayaran Malaysia untuk meningkatkan daya tarikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelayaran antarabangsa.

Kendali 1.2 juta penumpang

"Penang Port mengendalikan 1.2 juta penumpang kapal persiaran tahun lalu dan pertumbuhan yang sama dijangka pada masa hadapan."

"Setiap ketibaan kapal persiaran membawa antara 4,000 hingga 6,000 penumpang, yang memberi manfaat kepada perkhidmatan tempatan seperti makanan, pengangutan dan penginapan."

“Kapal persiaran juga boleh mendapatkan bekalan daripada perniagaan berhampiran, sekali gus turut merancakkan lagi aktiviti ekonomi setempat”

Sasedharan Vasudevan,
Ketua Pegawai Eksekutif PPSB



"Namun, krisis di Laut Merah yang berterusan menyebabkan beberapa pembatalan pelayaran antarabangsa, sehingga memberi kesan kepada jumlah tahun ini," katanya.

Beliau berkata, pelabuhan itu walau bagaimanapun kekal optimis terhadap prospek jangka panjang.

"Pulau Pinang berada dalam kedudukan yang baik dalam pasaran pelayaran serantau. Pelaburan kami dalam memodenkan terminal pelayaran dan memperluas keupayaan 'home porting' memberikan kelebihan daya saing," katanya.

Menurut Sasedharan, walaupun pelancong dari China pernah mendominasi pasaran, namun pertumbuhan baru-baru ini datang dari India, Indonesia dan negara Barat.

"Kami melihat peningkatan 20 peratus hingga 30 peratus pasaran India dan Indonesia, di mana peralihan ini membantu mengimbangi penurunan pelancong dari China," katanya.